



TEKS UCAPAN

**YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI DATO' DR.
WAN ISMAIL
TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA
DAN MASYARAKAT**

SEMPENA

**SESI LAWATAN
RUMAH EHSAN KUALA KUBU BHARU**

29 MEI 2018 (SELASA), JAM 9.30 PAGI

**RUMAH EHSAN KUALA KUBU BHARU, KUALA
SELANGOR**



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera

**Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Azmin Ali,
Dato' Menteri Besar Selangor**

**Yang Bahagia Dato' Suriani Dato' Ahmad, Ketua
Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat**

**Yang Berusaha Tuan Haji Mohd Fazari Mohd Salleh,
Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat**

EXCO Kerajaan Negeri Selangor

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan hadirin sekalian

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya saya berpeluang bersama-sama hadirin semua bagi lawatan turun padang pertama saya di Rumah Ehsan Kuala Kubu Bharu pagi ini.
2. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor yang turut sudi meluangkan masa di sini, bersama-sama barisan EXCO Kerajaan Negeri Selangor yang baru dilantik terutama sekali EXCO Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga, Yang Berhormat Dr Siti Mariah Mahmud.

Hadirin hadirat yang saya hormati sekalian

3. Lawatan ke Rumah Ehsan ini merupakan antara perkara pertama yang saya laksanakan setelah memegang portfolio wanita dan pembangunan keluarga, yang mana warga emas merupakan satu daripada lapan (8) kumpulan sasaran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Kumpulan sasaran lain termasuk wanita, kanak-kanak, keluarga, orang papa, orang kurang upaya, mangsa bencana dan NGO.
4. Perkara ini juga adalah selari dengan salah satu iltizam di dalam Buku Harapan, di mana Kerajaan berazam untuk mengangkat darjat warga emas yang telah membuat sumbangan tidak ternilai kepada Negara melalui inisiatif-inisiatif tertentu.
5. Golongan warga emas merupakan mereka yang agak kurang mendapat perhatian daripada masyarakat serta pihak media. Ini

berkemungkinan kerana isu-isu berkaitan warga emas kurang pembela yang bersuara bagi pihak mereka. Namun, saya berharap dengan lawatan ini, masyarakat akan mengetahui mengenai golongan warga emas yang memerlukan pembelaan. Saya juga berharap sektor korporat dapat sama-sama menyumbang kepada program ini.

6. Saya difahamkan penghuni-penghuni Rumah Ehsan ini adalah terdiri daripada golongan warga emas uzur yang terlantar, tidak mempunyai saudara mara atau waris serta tiada pendapatan untuk menjaga diri sendiri. Dalam erti kata lain, mereka yang tidak mempunyai apa-apa atau siapa-siapa di dunia ini. Di Rumah Ehsan Kuala Kubu Bharu, terdapat 109 penghuni dari peringkat umur 30 sehingga 80 dan ke atas, dengan kakitangan seramai 74 orang.
7. Dengan kekangan yang wujud terutama sekali dari segi kewangan dan tenaga manusia, Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat berusaha sedaya mungkin untuk menyediakan penjagaan jangka panjang asas kepada penghuni Rumah Ehsan ini dan institusi warga emas yang lain bagi memastikan warga emas berada dalam persekitaran yang selesa dan selamat sehinggalah mereka meninggalkan dunia ini.
8. Sesuram mana pun perkara ini, saya ingin menarik perhatian semua mengenai isu penuaan di negara ini di mana adalah dijangkakan Malaysia akan mencapai status negara tua pada tahun 2030, dengan kadar 15% daripada populasi adalah yang berumur 60 tahun dan ke atas.

9. Kerajaan melalui Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara di bawah tanggungjawab KPWKM sememangnya sedang memberi tumpuan dan fokus untuk menyediakan negara serta bakal warga emas untuk menghadapi masa tua dengan lebih baik.
10. Di antara inisiatif Kementerian yang sedia ada ke arah warga emas sihat dan aktif adalah penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas atau PAWE; program Khidmat Bantu di Rumah atau *Home Help* yang memberikan khidmat sokongan kepada warga emas di rumah oleh sukarelawan kebajikan; serta *respite care* iaitu perkhidmatan penempatan warga emas secara sukarela buat tempoh tertentu di Rumah Seri Kenangan Cheras.
11. Kerajaan juga turut memberikan bantuan kewangan untuk sedikit sebanyak meringankan beban dan menampung keperluan asas warga emas seperti Bantuan Orang Tua pada kadar RM350 sebulan, serta bantuan kepada penjaga pesakit warga emas yang kronik sebanyak RM300 sebulan.
12. Selain daripada aspek sosial di bawah KPWKM, aspek kesihatan umum warga emas pula di bawah tanggungjawab Kementerian Kesihatan Malaysia, yang mana turut mempunyai perkhidmatan, program dan aktiviti berfokus kepada kesihatan warga emas berpandukan kepada Dasar Kesihatan Warga Emas Negara.

Para hadirin sekalian

13. Di kesempatan ini juga saya ingin menekankan bahawa hala tuju Kerajaan dalam aspek penjagaan warga emas adalah dengan

pendekatan program dan perkhidmatan berasaskan komuniti secara mapan; dan untuk berkongsi tanggungjawab kesejahteraan warga emas di antara keluarga, komuniti dan NGO. Konsep menua setempat atau 'ageing in place' perlu diberi perhatian sewajarnya agar penempatan warga emas ataupun mana-mana golongan sasar Kementerian di institusi Kerajaan merupakan pilihan terakhir buat mereka.

14. Kesedaran mengenai penuaan jua perlulah diterapkan daripada peringkat awal bagi persediaan menghadapi usia tua dari segi emosi, kewangan, persekitaran dan minda. Dan peranan ini perlulah dimainkan bersama oleh pihak media serta komuniti dan NGO agar setiap warga emas di dalam komuniti hadirin sekalian tidak sama sekali diabaikan.
15. Besar harapan saya agar setiap pihak berkepentingan dapat memainkan peranan masing-masing dengan menyediakan satu rangkaian sokongan yang efektif agar kesejahteraan warga emas di dalam komuniti terus terpelihara.
16. Sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir pada pagi, dan juga kepada Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat atas anjuran program lawatan ini.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah. Wassalamualaikum Warah Matullahi
Wabarakatuh

